

JURUBAHASA GRED LA1

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)

GRED JAWATAN : LA1

JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Tahunan
RM 1500.00	RM 4680.00	RM 100.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED LA1

Jurubahasa Melayu atau Jurubahasa Selain Bahasa Melayu

a. (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA1: RM1,500.00); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA1: RM1,561.00); atau

(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA1: RM1,622.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED LA5

Jurubahasa Bahasa Melayu atau Jurubahasa Selain Bahasa Melayu

b. (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,650.00); atau.

(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,650.00); atau

(iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,650.00); atau

(iv) Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan Kepujian

Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred LA5: RM1,893.00).

DESKRIPSI TUGAS :

Menterjemah kes-kes dalam mahkamah terbuka dan kamar hakim, mencatat/merekod prosiding atau keputusan kes- kes di dalam fail-fail yang telah dibicarakan, mengemaskinikan buku Eksibit dan Diari Mahkamah, menyediakan laporan Harian/Bulanan serta memastikan dan menyediakan fail-fail kes sebelum dihantar kepada hakim.